

10 MAY 1997

Megat-RELA

IMBUHAN KEPADA ANGGOTA RELA YANG KAWAL SEMPADAN

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Kerajaan bercadang untuk memberi imbuhan kepada anggota Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) yang membantu polis dan tertera mengawal sempadan daripada dimasuki pendatang asing.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata kadar imbuhan yang dicadangkan ialah RM1.50 sejam, mengikut jumlah jam dalam giliran tugas mereka.

Beliau berkata beliau akan membincangkan cadangan itu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Menteri Kewangan.

Megat Junid berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis perhimpunan hari RELA ke-25 peringkat kebangsaan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Seorang lagi Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Ong Ka Ting dan Ketua Pengarah RELA Haji Mohd Hussain Haji Shafie adalah antara 5,000 orang yang hadir pada majlis itu.

Megat Junid berkata kira-kira 5,000 anggota RELA kini membantu pasukan keselamatan di beberapa tempat di sempadan tanpa diberikan imbuhan dan hanya mengharapkan belas ihsan daripada polis dan tentera yang memberikan bekalan makanan seperti roti.

"Sudah sampai masanya mereka diberikan sedikit imbuhan supaya mereka lebih bersemangat untuk bertugas dan berada dalam keadaan yang lebih selesa," katanya.

Beliau berkata di samping imbuhan itu, kerajaan juga bercadang untuk memberikan pakaian seragam kepada anggota RELA yang telah terlatih dan Tabung Amal Jariah kepada anggota RELA untuk melakukan kegiatan sosial dalam masyarakat.

Katanya kini pakaian bagi anggota RELA yang dipanggil untuk membantu polis dalam operasi di bandar-bandar, dibayar masing-masing separuh oleh kerajaan dan anggota terbabit.

"Yang paling menyedihkan ada anggota yang bertugas dalam operasi di bandar-bandar memakai baju yang berwarna lain dengan warna seluar," katanya.

Beliau berkata kini terdapat kira-kira 250,000 anggota RELA di seluruh negara berbanding 170,000 semasa beliau mula memegang jawatan 11 tahun lepas.

Megat Junid berkata kerajaan juga akan membayar sumbangan kepada Tabung Amal Jariah dengan kadar RM1 bagi setiap anggota setahun, menjadikan jumlahnya RM250,000 bagi membantu projek kebajikan seperti gotong-royong membersihkan kubur dan bantuan untuk rumah yang dipukul ribut. Sumbangan itu kini dibayar sendiri oleh setiap anggota RELA.

Megat Junid berkata peruntukan wang itu akan diambil daripada bayaran yang dibuat oleh pendatang asing.

Mengenai penyertaan pelbagai kaum sebagai anggota RELA, beliau berkata ia amat menggalakkan dan sudah menjadi amalan bagi pihak berkuasa menempatkan mereka mengikut keperluan di sesuatu tempat.

Berkaitan pemberian senjata api, Megat Junid berkata setiap pelatun RELA diberikan empat senjata api tetapi ini bergantung kepada tahap kecergasan platun berkenaan. -- BERNAMA

HT NMO